

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini memberikan anda maklumat penting mengenai insurans anda.

Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga digalakkan membacanya.



Tarikh:

1 Apakah Insurans Burglary (Kecurian)?

Polisi ini menyediakan pampasan sekiranya harta anda mengalami kerugian atau kerosakan akibat kecurian yang berlaku secara paksa dan ganas semasa masuk atau keluar dari premis anda.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Anda boleh menginsuranskan kepentingan berikut di bawah Polisi Burglary (Kecurian):

Polisi ini meliputi :	Polisi ini tidak termasuk :
a) Kerugian mana-mana bahagian harta yang diinsuranskan semasa berada di dalam premis, i) akibat daripada kecurian yang melibatkan pencerobohan masuk atau keluar dari premis secara paksa dan ganas ii) berikutan serangan atau keganasan atau ancaman kepada Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pekerja Pihak Diinsuranskan b) Sebarang kerosakan terhadap harta yang diinsuranskan atau premis, yang ditanggung oleh pihak diinsuranskan akibat kecurian atau percubaan kecurian, adalah tertakluk kepada had maksimum sebanyak 5% daripada Jumlah Diinsuranskan atau RM2,500, mengikut mana yang lebih rendah.	• Susut nilai, kerugian turutan, kerugian pasaran dan kerugian ditemui semasa pemeriksaan stok. • Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran atau letupan. • Kerugian atau kerosakan dipercepatkan atau disebabkan oleh atau bersubahat dengan pihak diinsuranskan, ahli keluarga mereka, kakitangan perniagaan, pembantu rumah atau mana-mana individu yang berada secara sah di premis. • Kerugian atau kerosakan berlaku semasa premis ditinggalkan tanpa penghuni bagi tempoh berterusan melebihi 4 hari dan malam berturut-turut. • Perang, Perang Saudara • Sebarang Tindakan Keganasan Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Dengan membayar premium tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi perkara berikut:

- Kecurian yang berlaku tanpa unsur pencerobohan masuk atau keluar dari premis secara paksa dan ganas.
- Rompakkan bersenjata atau tahanan

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai polisi anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1300 13 2121 atau
+603 3007 2121



Layari laman web
kami di:
[Burglary Insurance |
Generali Malaysia](#)



E-mel kami di:
[customer.service.gi@
generali.com.my](mailto:customer.service.gi@generali.com.my)



Imbas kod QR
di atas

**Maklumat BNMLINK
untuk aduan /
pertanyaan:**

Tingkat 4, Podium
Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 (Luar
Negara: +603 2174 1717)
Laman Web BNMLINK:
bnm.gov.my/BNMLINK

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3 Ketahui Kewajipan Anda

Premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada jenis perniagaan anda, jenis barangan yang diinsuranskan, jumlah yang diinsuranskan (nilai penuh atau asas Kerugian Pertama), jenis peranti atau langkah keselamatan yang dipasang di premis anda serta keperluan penajajaminan kami.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10.00
Komisen (Hanya terpakai jika produk dijual melalui pengantara)	15% daripada premium
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

4 Terma Utama Lain

- Anda wajib mendedahkan semua fakta penting dengan tepat dalam setiap dokumen. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan polisi anda terbatal dan tidak sah.
- **Jumlah Diinsuranskan** – Anda mesti memastikan bahawa harta anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai.
- **Asas Insurans** –
 - a) **Nilai Penuh** – Asas ini diterima pakai apabila wujud kemungkinan untuk keseluruhan harta anda dicuri pada masa yang sama. Jumlah diinsuranskan untuk insurans mewakili nilai penuh untuk harta anda yang diinsuranskan.
 - b) **Kerugian Pertama** – Asas ini diterima pakai apabila tidak mungkin keseluruhan harta anda dicuri pada masa yang sama. Anda perlu memilih jumlah yang pada pendapat anda akan mewakili potensi kerugian maksimum yang boleh berlaku dalam mana-mana satu kejadian.
- **Kesan jumlah diinsuranskan yang tidak mencukupi** – Jika jumlah diinsuranskan polisi anda kurang daripada nilai sebenar harta (asas Nilai Penuh) atau nilai yang diisytiharkan bagi harta tersebut (asas Kerugian Pertama) yang berisiko pada masa kerugian, anda dianggap telah berkurangan insurans dan telah menginsuranskan sendiri perbezaannya. Syarat purata ini akan terpakai sekiranya berlaku tuntutan.
- **Lebihan** – Ini ialah jumlah yang anda perlu tanggung sebelum kami menanggung rugi anda daripada kerugian.
- **Waranti Premium** – Premium mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan perlindungan. Jika tidak, perlindungan akan dibatalkan secara automatik, dan anda masih bertanggungjawab untuk membayar bahagian premium untuk tempoh yang kami telah menanggung risiko.
- Anda hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kejadian kecurian seolah-olah harta tersebut tidak dilindungi oleh insurans.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya, anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, sebarang bayaran balik premium adalah berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam polisi.